

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
(DUNGUN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.08.2017

Y.B. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan terkini Projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) merupakan projek yang penting bagi merealisasikan aspirasi negara untuk menjadikan ekonomi Malaysia terutama Wilayah Pantai Timur yang lebih mampan, sekaligus meletakkan sektor pengangkutan awam negara pada tahap yang lebih moden dan efisien. Oleh yang demikian,

Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan telah diberi tanggungjawab selaku pemilik projek untuk mengawal selia dan memantau perkembangan terkini projek mega ini agar dapat disiapkan sepenuhnya pada akhir suku kedua tahun 2024.

Untuk makluman Yang Berhormat, Sesi Pemeriksaan Awam (*Public Inspection*) yang merupakan satu keperluan di bawah Seksyen 84 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Mac 2017 yang lalu. Sesi yang berlangsung selama 90 hari tersebut telah bermula pada 8 Mac 2017 dan berakhir pada 7 Jun 2017 dan dilaksanakan di 38 lokasi terpilih di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor, bertempat di pejabat-pejabat daerah termasuk ibu pejabat Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan MRL. Tujuan utama Sesi Pemeriksaan awam diadakan adalah bagi mempamerkan cadangan laluan kereta api dari Wakaf Bharu, Kelantan hingga Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT) Gombak, Selangor. Sesi tersebut juga turut mempamerkan lokasi stesen pertukaran dengan landasan sedia ada dan memberi penjelasan terperinci berkaitan projek ECRL kepada orang awam. Maklumbalas yang diperoleh mendapati bahawa sebanyak 95% responden menyokong pelaksanaan projek berimpak tinggi nasional ini.

Selain itu, pihak MRL juga telah berjaya memperoleh kelulusan muktamad Skim Kereta Api dari Suruhanjaya Awam Darat pada 23 Jun 2017 manakala kelulusan laporan EIA (*Environmental Assessment Report*) pula telah diterima dari pihak Jabatan Alam Sekitar pada 20 Jun 2017. Berdasarkan perkembangan ini, Kerajaan yakin kerja-kerja pembinaan projek ECRL akan dapat dimulakan pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat,

Komitmen penuh yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat dengan projek ECRL memberi petunjuk positif bahawa projek mega ini bakal menjadi pemangkin transformasi kepada kedua-dua koridor utama Semenanjung.

SOALAN (81)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 8 OGOS 2017
[SELASA]

DARIPADA : YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]

SOALAN :

YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha atau fokus yang ditumpukan ke arah melahirkan lebih ramai usahawan Melayu dan Bumiputera menerusi Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) pada tahun ini, dengan sokongan atau kerjasama pelbagai agensi berkaitan, sebagai mana ditetapkan menerusi sasaran 100 peratus Petunjuk Prestasi Utama (KPI) ditetapkan PEB pada tahun lalu.

JAWAPAN :-

Tuan yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan komited dalam menjayakan inisiatif Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) dan ianya merupakan agenda nasional yang amat penting demi memperkuuh dan memperhebatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara. Dalam tempoh 6 tahun semenjak penubuhan TERAJU, pelbagai inisiatif dan langkah-langkah baru telah dilaksanakan bagi memacu Agenda Pembangunan Bumiputera.

TERAJU merupakan sebuah unit strategik, ditubuh dan ditugaskan untuk memacu serta menyelaras transformasi ekonomi Bumiputera secara teratur dan profesional, dipantau secara terus oleh Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) dan dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri di mana komposisi keanggotaan MEB terdiri daripada Menteri-Menteri kanan dan pegawai-pegawai kanan tertinggi Kerajaan. Pelbagai keputusan penting telah dicapai dalam menentukan dasar-dasar serta inisiatif-inisiatif baru PEB. Antaranya adalah seperti:

1. Dasar “Carve-Out & Compete” yang mana telah menghasilkan penglibatan yang lebih menyeluruh oleh usahawan-usahawan

Bumiputera sektor pembinaan di dalam projek-projek bertaraf nasional seperti MRT Jajaran 1 & 2, Lebuhraya Pan-Borneo dan Menara PNB 118. Nilai yang telah berjaya di "Carve-Out" khas kepada Bumiputera melalui 13 buah projek sehingga hari ni adalah sebanyak RM45.54 billion;

2. Program-program keusahawanan dan pembiayaan yang dijalankan dan digerakkan secara kolaborasi dengan kerajaan negeri, agensi-agensi kerajaan, agensi-agensi wilayah pembangunan koridor, syarikat-syarikat milik kerajaan (GLCs) dan pihak-pihak swasta, pelbagai institusi perbankan antara seperti Dana TeraS dan Dana Mudahcara Bumiputera. Melalui Dana Mudahcara Bumiputera misalnya, sebanyak RM12.84 billion nilai pelaburan swasta berjaya dihasilkan melalui 447 buah projek diseluruh negara;
3. Penetapan KPI Bumiputera di setiap kementerian dan syarikat GLCs/GLICs untuk memastikan Agenda Bumiputera turut dilaksanakan bersama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat GLCs/GLICs telah mencatatkan nilai inisiatif keseluruhan sebanyak RM44.7 bilion pada tahun 2015 berbanding RM43.8 bilion pada 2014, yang merupakan tahun pertama pelaksanaan KPI di syarikat GLCs/GLICs;

4. Penubuhan Jawatankuasa Khas MEB di Sabah dan Sarawak untuk memastikan usaha pembangunan Bumiputera dapat dijalankan secara menyeluruh;
5. Penubuhan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar Bumiputera berpotensi dari keluarga berpendapatan rendah mendapatkan pendidikan berkualiti dan menyediakan peluang pensijilan antarabangsa ke arah pekerjaan yang menjana pendapatan tinggi khas bagi Bumiputera.

Semenjak penubuhan TERAJU pada tahun 2011 sehingga 30hb September 2016, TERAJU telah berjaya mencipta nilai, peluang perniagaan, pembiayaan serta pembangunan modal insan untuk Bumiputera sebanyak RM 94.25 billion melalui 27 buah program dan inisiatif yang dijalankan melalui kerjasama dengan kerajaan negeri, agensi-agensi kerajaan, agensi-agensi wilayah pembangunan koridor, syarikat-syarikat milik kerajaan (GLCs) dan pihak-pihak swasta selaras dengan matlamat Kerajaan untuk memastikan penyertaan masyarakat Bumiputera dalam ekonomi secara lebih bermakna dan mampan.

TERAJU juga telah mengambil alih Institut Keusahawanan Negara atau INSKEN daripada MITI pada tahun 2014. TERAJU melalui INSKEN berperanan sebagai penyelaras dan pemudahcara latihan serta pembangunan program keusahawanan. INSKEN menyediakan latihan keusahawanan, konsultasi dan fasilitasi kepada para usahawan terutamanya usahawan Bumiputera. INSKEN menjayakan program keusahawanan melalui kolaborasi strategik dengan lebih daripada 30 buah agensi Kerajaan, universiti-universiti dan badan bukan Kerajaan (NGO).

Selaras dengan prinsip ‘Dipacu Industri, Diterajui Usahawan’, strategi pembangunan INSKEN adalah berdasarkan keperluan dan permintaan industri melalui kerjasama dengan pengamal industri atau profesional untuk memperkasa program-program latihan kepada usahawan-usahawan Bumiputera yang tertumpu kepada tiga bidang utama iaitu:

1. Pembinaan kapasiti syarikat dan usahawan Bumiputera yang dibahagikan kepada 3 tahap, iaitu:
 - a. Syarikat Permulaan (Start-up)
 - b. Syarikat Scale-up
 - c. Syarikat Berprestasi Tinggi (High Performing)

2. Pemantapan program pembelajaran dan pembangunan keusahawanan; dan
3. Rationalisasi program pembelajaran dan pembangunan keusahawanan.

Melalui 240 buah program latihan yang telah dilaksanakan di seluruh Malaysia sehingga hari ini, seramai 13,275 usahawan telah dilatih melalui program-program yang dianjurkan oleh INSKEN dalam masa 2 tahun ini. Setakat ini, tumpuan diberikan kepada empat industri utama iaitu makanan dan minuman (F&B), pelancongan, perkhidmatan dan peruncitan dan pemborongan.

Untuk menyokong program pembangunan kapasiti keusahawan pula, INSKEN telah melatih 747 orang fasilitator bisnes dan dari jumlah ini 87 orang telah dilantik sebagai BisKaunselor. Program BisKaunselor ini memberikan landasan bagi para usahawan untuk mendapatkan nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan serta memadankan para usahawan dengan agensi-agensi yang berkenaan bagi mendapatkan bantuan-bantuan yang diperlukan.

INSKEN juga mewujudkan inisiatif INSKEN500 yang menyasarkan 500 usahawan akan berjaya dilonjakkan dalam tempoh dua tahun. Usahawan yang akan dipilih untuk menyertai program ini akan melalui proses saringan iaitu sistem penilaian diagnostik atas talian dan bertemu Biskaunselor sebelum program intervensi yang bersesuaian dicadangkan seperti program latihan keusahawan, fasilitasi dan perundingan. Usahawan yang terpilih akan dipantau prestasi syarikat melalui tiga petunjuk prestasi berasaskan pertumbuhan aktiviti syarikat, bilangan pekerja dan pendapatan tahunan syarikat.

Sekian, terima kasih.

27 Julai 2017

NO. SOALAN: 82

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 8 OGOS 2017

RUJUKAN : 10053

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa pekerja asing di beberapa kawasan sedang diugut oleh geng-geng untuk membayar wang perlindungan RM30 hingga RM70 sebulan. Mengapakah pihak polis tidak mengambil tindakan walaupun tahu amalan ini sedang berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa mempertingkatkan risikan dan mengambil tindakan terhadap kumpulan-kumpulan pengster atau kumpulan kongsi gelap yang menjalankan aktiviti haram seperti membuat ugutan atau pemerasan di tapak-tapak pembinaan terhadap individu sama ada rakyat tempatan atau rakyat asing atau kontraktor untuk membayar sejumlah "wang perlindungan" sebagai jaminan kononnya projek atau individu terlibat tidak akan diganggu oleh kumpulan berkenaan.

PDRM telah melaksanakan Ops Cantas Fasa 2 dengan memberikan penekanan kepada kongsi gelap yang dikenalpasti terlibat dalam jenayah kekerasan termasuk kesalahan pemerasan dan pengedaran dada.